



**SEMBAH ALU-ALUAN**

**YANG BERHORMAT  
PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI SETIA  
USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN BIN PENGARAH  
DATO PADUKA HAJI AWANG OTHMAN,  
*MENTERI HAL EHWAL UGAMA.***

**DI MAJLIS  
SAMBUTAN ISRA' DAN ME'RAJ PERINGKAT NEGARA  
BAGI TAHUN 1445 HIJRAH / 2024 MASIHI**

**PADA HARI KHAMIS,  
27 REJAB 1445 BERSAMAAN 8 FEBRUARI 2024**

**BERTEMPAT DI DEWAN PLENARY  
PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA,  
BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَىٰ أَمْوَارِ الدُّنْيَا وَالدِّينِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَئِمَّةِ  
وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدُنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَىٰ أَلْهٰهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Mengadap Kehadapan Majlis,  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Paduka Seri Baginda Sultan  
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah  
Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien,  
Sa'adul Khairi Waddien,  
Sultan dan Yang Di-Pertuan,  
Negara Brunei Darussalam.

Ampun Beribu Ampun,

*Alhamdulillah wasysyukru Lillah.* Kita memuji dan kita mensyukuri Allah Subhanahu wa Ta'ala yang dengan rahmat-Nya Majlis Sambutan Isra' Me'raj Peringkat Negara tahun ini yang tetap bertemakan "Sembahyang Tiang Ugama", berlangsung meriah diserikan dengan keberangkataan Kebawah Duli Tuan Patik.

Maka dengan penuh hormat lagi ta'zim hamba Kebawah Duli Tuan Patik selaku Penggerusi bersama Penasihat-Penasihat dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Peringkat Negara, dan Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan, menyembahkan sembah junjung kasih ke hadapan Majlis Kebawah Duli Tuan Patik, dengan irungan do'a semoga Kebawah Duli Tuan Patik dan Ahli Kerabat Diraja Kebawah Duli Tuan Patik sentiasa dalam rahmat kasih sayang Allah, panjang usia sihat dan bahagia.

Disembahkan bahawa penganjuran Majlis Sambutan Isra' dan Me'raj Peringkat Negara tahun ini adalah bekerjasama dengan Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dari sektor kerajaan dan Syarikat Unified National Networks Sdn Bhd. (UNN) dari sektor swasta.

Kerjasama yang diaturkan sedemikian yang melibatkan sektor-sektor kerajaan dan swasta secara begilir adalah tanda dukungan padu oleh semua unsur dalam negara terhadap dasar kerajaan Kebawah Duli Tuan Patik mensyi'arkan Islam - ugama resmi - dengan mempromot ajaran-ajarannya tanpa menjaskan ugama-ugama lain diamalkan secara aman oleh penganut-penganutnya - sebagaimana yang ditetapkan oleh Perlembagaan Negara.

Dalam hubungan itulah kita konsisten menyambut hari-hari bersejarah Islam seperti yang ditandai dalam kalendar kebangsaan kita, sesuai dengan dasar mensyi'arkan Islam dan mempromot ajaran-ajarannya itu.

Maka setiap penganjurannya kita ungkapkan kata-kata yang menjadi tema-tema yang dimaksudkan untuk diambil hikmah dan pengajarannya. Dalam peristiwa Allah *mengIsra' dan meMe'rajkan* Junjungan kita Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* kita pilih aspek solat atau sembahyang yang disifatkan sebagai *tiang ugama* yang difardhukan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam peristiwa yang sangat menakjubkan itu. Dari tema itulah aspek-aspek sekitar ibadat sembahyang akan diperkatakan seperti mustahaknya ia ditunaikan dengan *khusyu'* sebagai usaha menjadi orang-orang beriman yang berjaya antaranya ialah yang *khusyu'* sembahyangnya:

قَدْ أَفْلَحَ اللَّهُمَّ مُؤْمِنَوْنَ ۝ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ حَسِيعُونَ ۝

**Tafsirnya:**

"Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman. (Iaitu) orang-orang yang *khusu'* dalam sembahyang mereka". [Surah Al-Mu'minun: 1-2]

Dan demi memaksimalkan hikmah menyempurnakannya sebagai ibadat yang menghubungkan kita selaku makhluk ciptaan Allah, hamba-Nya - mengadap-Nya dengan mengikrarkan.

إِنَّ صَلَاتِي وَسُكْنِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

**Mafhumnya:** “Sesungguhnya solatku, ibadahku, hidup dan matiku hanyalah untuk Allah Tuhan Semesta Alam.”

Sedemikian itulah antaranya hikmah dan pengajaran yang kita promotkan dalam menyambut *Isra' dan Me'raj*. Dengan pendekatan yang sama itulah juga kita menganjurkan Majlis-Majlis Menyambut dan Memperingati Hari-Hari Kebesaran Islam secara konsisten setiap tahun.

Semoga dengan kerana ikhlas serta tujuan murni menganjurkannya maka Allah *Subhanahu wa Ta'ala* akan sentiasa merahmati kita sekalian.

Maksud kata *kita sekalian* itu ialah semoga *kita senegara* akan tetap hidup aman tenteram dan bahagia sejahtera dalam negara berpemerintahan beraja yang berkat dari amal ibadat dan amal soleh berkebajikan yang diredhai Allah.

Demikianlah disembahkan. Sebelum mengakhiri sembah alu-aluan ini sekali lagi hamba Kebawah Duli Tuan Patik menyembahkan sembah junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Tuan Patik di atas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik. Dan seterusnya hamba Kebawah Duli Tuan Patik juga dengan penuh takzim menyembahkan sembah junjung kasih atas keberangkatan:

Paduka-Paduka Anakanda Kebawah Duli Tuan Patik:

- Duli Yang Teramat Mulia  
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota  
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah  
Menteri Kanan Di Jabatan Perdana Menteri.

- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Malik,
- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Mateen,
- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel,

Paduka-Paduka Adinda Kebawah Duli Tuan Patik,

- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir  
Sahibul Himmah Wal-Waqar  
Pengiran Muda Mohamed Bolkiah,
- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Bendahara  
Seri Maharaja Permaisuara  
Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah,
- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal  
Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah,

Seterusnya sembah junjung kasih di atas keberangkatan:

- Yang Amat Mulia  
Pengiran-Pengiran Cheteria

Dan ucapan terima kasih di atas kehadiran:

- Yang Berhormat  
Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

- Yang Berhormat  
Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara.
- Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet,
- Ahli-Ahli Majlis-Majlis Diraja,
- Timbalan-Timbalan Menteri,
- Tetamu-Tetamu Kenamaan lainnya,
- Duta-Duta, Pesuruhjaya Tinggi dan Diplomat-Diplomat Negara-Negara Sahabat,
- Dhif-Dhif yang dihormati,
- Para hadirin - hadirat yang berbahagia sekalian.

Terima kasih yang setinggi-tingginya juga dirakamkan kepada semua pihak yang turut sama terlibat mengungkayahkan serta menjayakan majlis yang berkebijakan ini dari awal hingga akhir. Semoga segala usaha dan sumbangan murni lagi ikhlas itu akan mendapat keberkatan dan ganjaran pahala yang berlipat ganda dari Allah *Subhanahu wa Ta’ala* jua. Amin ya rabbal ‘alamin.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا  
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik Menjunjung Anugeraha.

- Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman,  
*Menteri Hal Ehwal Ugama.*

Pejabat Menteri Hal Ehwal Ugama  
26hb Rejab 14445 / 7hb Februari 2024